
KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- RAKYAT HENDAKLAH HENGETEPIKAN PERJUANGAN YANG SEHPIT UNTUK HENUHPUKAN MASA DAN TENAGA KEPADA PERJUANGAN HEHAJUKAN LAGI NEGARA, KATA DATUK SERI DR HAHATHIR MOHAMAD.

HANYA APABILA NEGARA HENCAPAI KEHAJUAN SAHAJA, BAHARULAH RAKYAT AKAN HENDAPAT BAHAGIAN YANG BERHAKNA BAGI DIRI MEREKA, KATA PERDANA HENTERI DAN MENAMBAH, JIKA KEAHANAN DAN PEHBANGUNAN TIDAK WUJUD, TIDAK ADA APA YANG HENDAK DIBAHAGI-BAHAGIKAN.

+TIDAK ADA GUNANYA KITA HENANG SORAK TETAPI KALAH SABUNG. KERAJAAN HENERIHA FALSAFAH INI,+ KATA BELIAU DALAH PERUTUSAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-33 HENERUSI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM) MALAM INI.

UNTUK KEJAYAAN BERSAMA, SEHUA RAKYAT HALAYSIA HENDAKLAH HEHPUNYAI FALSAFAH YANG SAMA, KATANYA.

+BERJAYA MALAYSIA BERERTI BERBAHAGIALAH RAKYATNYA,+ KATA DATUK SERI DR HAHATHIR.

SESUAI DENGAN TEHA HARI KEBANGSAAN TAHUN INI IAITU +BERJAYA+, BELIAU BERKATA SEHUA PIHAK HENDAKLAH BERUSAHA SUPAYA APA JUGA YANG DILAKUKAN AKAN BERJAYA DAN SANGGUP BEKERJA DENGAN LEBIH BERDISIPLIN DAN LEBIH KUAT LAGI UNTUK HENINGKATKAN PRODUKTIVITI NEGARA SUPAYA EKONOHI NEGARA LEBIH KUKUH. -- LAGI.

1856MST 30 08 90

U 8963 AAB

HAHATHIR - PERUTUSAN 2 KUALA LUHPUR (EMBARGO)

KATANYA, RAKYAT JUGA HESTILAH HEHPUNYAI KEYAKINAN TERHADAP KEHAHPUAN HEREKA MENGATASI CABARAN MASA DEPAN.

BELIAU BERKATA AHATLAH PENTING BAGI RAKYAT HENOLAK SEGALA KEGIATAN YANG BOLEH HENGANCAH KEAMANAN DAN KEHARHONIAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

OATUK SERI DR HAHATHIR HENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA SEJARAH TELAH HEHBUKTIKAN BANYAK NEGARA DAN HASYARAKAT YANG HAJU AKHIRNYA HENJADI MUNDUR DAN TIDAK STABIL DISEBABKAN RASUAH DAN PENYALAHGUNAAN KUASA.

+APABILA RASUAH BEGITU BERLELUASA, PENTADBIRAN DAN HASYARAKAT AKAN TERGUGAT. APABILA INI BERLAKU, SETIAP USAHA HEHBANGUNKAN NEGARA TIDAK AKAN DILAKSANAKAN DENGAN SEHPURNA DAN HENYEBABKAN PENTADBIRAN HENJADI LEMAH, EKONOHI MEROSOT DAN RAKYAT MENDERITA.

+KITA SEHARUSNYALAH BELAJAR DARIPADA SEJARAH DAN PENGALAMAN-PENGALAMAN INI SUPAYA KITA TIDAK HENGALAH NASIB YANG SAMA,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1857MST 30 08 90

UB969 AAB

MAHATHIR - PERUTUSAN 3 KUALA LUHPUR (EMBARGO)

JUSTERU ITU, SETIAP ANGGOTA HASYARAKAT DARIPADA PEMIMPIN KERAJAAN, KETUA EKSEKUTIF SEKTOR SWASTA, KAKITANGAN KERAJAAN, PENIAGA, PEKERJA DAN RAKYAT KESELURUHANNYA HARUSLAH HENJALANKAN TUGAS DAN KEWAJIPAN MASING-MASING BERPANDUKAN SIFAT-SIFAT AHANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG TINGGI, KATANYA.

BELIAU HENAHBAH KATA, ADALAH PENTING PEHIHPIN-PEMIMPIN DALAM APA JUA ORGANISASI HENUNJUKKAN TELADAN YANG BAIK KEPADA KAKITANGAN YANG LAIN.

BEGITU JUGA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, GENERASI MUDA HARUSLAH DIPUPUK DENGAN SEHANGAT DAN NILAI-NILAI YANG MELETAKKAN SIFAT AHANAH DAN BERTANGGUNGJAWAB DI TAHAP YANG TERTINGGI SEKALI DALAM KEHIDUPAN DAN TINDAKAN HEREKA.

KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA SETAKAT INI TIDAK DATANG DENGAN SENDIRINYA, KATA DATUK SERI DR HAHATHIR DAN MENAMBAH, IA PERLU DIUSAHAKAN LAGI DENGAN TEKUN DAN DISIPLIN.

+JUSTERU ITU, KITA PERLU BERUSAHA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH LAGI UNTUK MEMBERI HAKNA KEPADA KEMERDEKAAN NEGARA DAN KEPADA DIRI KITA SENDIRI,+ KATANYA. -- LAGI.

D561

U B973 AAB
MAHATHIR - PERUTUSAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU, MALAYSIA MASIH MENGHADAPI BEBERAPA KEKURANGAN TERMASUK PENGETAHUAN MENGENAI TEKNOLOGI TINGGI DAN CARA-CARA MENGGUNAKANNYA, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ETIKA KERJA MASIH BOLEH DIPERBAIKI OLEH RAKYAT DAN DEMIKIAN JUGA PRODUKTIVITI MEREKA.

PERDANA MENTERI MEMBIDAS SIKAP SESETENGAH PIHAK YANG MASIH TIDAK YAKIN AKAN KEMAMPUAN NEGARA MENCAPAI MATLAMAT YANG DITUJUKAN WALAUPUN KERAJAAN TELAH BERJAYA DENGAN CEMERLANG MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MEMBERI CONTOH DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA YANG BERJAYA DENGAN JELASNYA.

+JIKA DAHULU PELABURAN BERJUMLAH BERPULUH JUTA RINGGIT SETAHUN, HARI INI DALAM SETENGAH TAHUN PERTAMA 1990, CADANGAN PELABURAN BERJUMLAH \$23,000 JUTA DAN KILANG-KILANG TERDAPAT DI SELURUH NEGARA DENGAN PELUANG PEKERJAAN YANG BANYAK UNTUK RAKYAT,+ KATANYA.

+JIKA KITA KATA BAHAWA KITA AKAN PESATKAN LAGI PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN MALAYSIA, KEMUNGKINAN KITA DAPAT BERBUAT DEMIKIAN ADALAH BESAR,+ KATANYA. -- LAGI.

1917MST 30 08 90

D565

U B974 AAB
MAHATHIR - PERUTUSAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DI SAMPING ITU, KATANYA, KERAJAAN TELAH DAPAT MENGURANGKAN KEMISKINAN MANAKALA RAKYAT DI KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR TELAH MENIKMATI TARAF HIDUP YANG LEBIH BAIK.

+MEREKA YANG DAHULUNYA TIDAK MENDAPAT APA-APA KEMUDAHAN, KINI TELAH MENIKMATI APA YANG DAHULU HANYA DIKECAPI OLEH PENDUDUK BANDAR SAHAJA TERMASUK BEKALAN ELEKTRIK, AIR, SEKOLAH, KLINIK DAN KEMUDAHAN LAIN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGARISKAN BEBERAPA FAKTOR YANG MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA MALAYSIA TERMASUK AMALAN DEMOKRASI, PERPADUAN KAUM DAN PENTADBIRAN YANG CEKAP DAN BERKESAN SERTA KESANGGUPAN RAKYAT MENYERTAI POLIS DAN TENTERA UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA.

UNTUK MENENTUKAN FAKTOR-FAKTOR ITU MEMBAWA HASIL YANG BAIK, SEBUAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN CEKAP ADALAH PERLU DAN KEPERLUAN INI JELAS TELAH DIPENUHI DI MALAYSIA, KATANYA. -- BERNAMA.
1925MST 30 08 90